

**Perdana Menteri Rasmi '1 Million Women Purple Walk 2013' Pada 10 Mac Ini
Bernama
26 Februari, 2013**

PUTRAJAYA, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan merasmikan acara jalan kaki '1 Million Women Purple Walk 2013' di Dataran Putrajaya di sini pada 10 Mac bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2013.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Harjeet Singh berkata pada majlis itu Najib, yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, akan turut melancarkan 1Malaysia Komuniti Perwani, satu daripada inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

Beliau berkata acara jalan kaki itu akan menghimpunkan sejuta wanita bagi menunjukkan solidariti wanita atas komitmen kerajaan dan sebagai tanda sokongan serta penghargaan atas inisiatif kerajaan kepada wanita Malaysia.

Acara itu akan diadakan serentak di seluruh negara yang dibuka secara percuma kepada semua wanita Malaysia berusia 15 tahun ke atas dan sebagai tanda sokongan, kaum lelaki turut digalakkan menyertainya, katanya pada sidang berita di sini Selasa.

Beliau berkata mereka yang ingin menyertai boleh terus hadir ke lokasi yang ditetapkan dengan memakai baju sukan atau baju-t ungu, tudung atau topi berwarna ungu.

Selain Putrajaya, acara '1 Million Women Purple Walk' akan diadakan serentak di Selangor iaitu di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam; Kedah (Perkarangan Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar); Perlis (Perkarangan Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar); Kelantan (Dataran Lembah Sireh, Kota Baharu); Terengganu (Dataran Syahbandar, Kuala Terengganu); Perak (Perkarangan Stadium Ipoh, Ipoh); Johor (Dataran Mahkota, Kota Iskandar);

Pahang (Padang FA, Jerantut), Pulau Pinang (Politeknik Seberang Prai); Melaka (Perkarangan Bangunan MITC, Ayer Keroh); Sabah (Dataran Bandaraya Kota Kinabalu); Sarawak (Taman Pertemuan, Kuching); dan Labuan (Dataran Labuan).

Pelbagai aktiviti dan persembahan turut diadakan sepanjang program berlangsung, termasuk 100 gerai pameran terdiri daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan syarikat swasta.

Mengenai inisiatif 1Malaysia Komuniti Perwani, Harjeet Singh berkata kementerian perlu

merealisasikan segera sasaran mewujudkan 100,000 kumpulan jaringan wanita Perwani di seluruh negara.

"Penubuhan 1Malaysia Komuniti Perwani bertujuan agar anggotanya bakal menjadi ejen transformasi wanita di peringkat komuniti," katanya.

Orang ramai boleh menghubungi Sekretariat War Room di talian 03-83231538 /1539/ 1540 / 1548 dan faks 03-83232098 atau layari twitter dan facebook di 1MWPurpleWalk, untuk maklumat lanjut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930484>